

05/11/2003

Tiga acara catat rekod Malaysia

MELAKA: Tiga acara yang dijalankan serentak di Pusat Dagangan Antarabangsa

Melaka (MITC), Ayer Keroh, di sini berjaya dicatatkan dalam The Malaysia Book of Records (MBR).

Acara terbabit ialah peraduan mewarna terbesar membabitkan penyertaan 11,525 murid sekolah rendah, berbasikal satu roda oleh 46 ahli Pusat Kebajikan Meng Seng dan perkhidmatan bekas guru besar, Sim Moak Yu, 92, selama 57 tahun.

Sijil MBR diserahkan kepada Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam sempena majlis penutup peraduan mewarna berkenaan.

Setakat ini, lima acara besar di MITC berjaya dicatatkan dalam MBR termasuk jumlah 900 meja yang berjaya disusun dalam dewan berkenaan sempena jamuan negeri yang dihadiri bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir

Mohamad dan bacaan Asma-ul Husna membabitkan 2,000 kanak-kanak Tadika Kemas.

Mohd Ali ketika ditemui selepas majlis itu, berkata kejayaan itu sebagai hadiah kepada Perdana Menteri baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dilantik secara rasmi memegang jawatan itu, Jumaat lalu.

"Melaka walaupun negeri kecil, tetapi atas semangat `Malaysia Boleh' kita berjaya melaksanakan program besar yang boleh dicatatkan dalam MBR. Kita minta rakyat bekerja lebih keras dan terus menyokong kepemimpinan Abdullah bagi memastikan pembangunan negara dapat diteruskan," katanya.

Abdullah mengangkat sumpah jawatan Jumaat lalu selepas persaraan Tun Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri selama 22 tahun.

Mohd Ali berharap dewan MITC dimanfaatkan sepenuhnya dengan mengadakan kegiatan yang lebih besar dan meriah pada masa depan.